



KEMUDAHAN: Rahman melawat salah satu kemudahan studi di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UMS. — Gambar Pomerangan



RASMI: Rahman merasmikan program UMS fm Protégé di studio UMS fm. — Gambar Pomerangan

Rahman Dahlan rasmi UMS fm Protégé

UB 25.03.2021 P.2

KOTA KINABALU: Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlal telah merasmikan UMS fm Protégé dalam satu acara di pejabat UMS fm.

UMS fm Protégé yang dicetuskan bertujuan memberi nilai tambah kepada pelajar komunikasi UMS dengan pengalaman setara industri, merupakan satu platform bagi melatih dan mengasah bakat pelajar-pelajar Program Komunikasi UMS.

Menerusi program tersebut, para pelajar bukan sahaja dilatih menjadi seorang juruhebah, tetapi turut diberi pendedahan untuk menjadi penerbit rancangan, dan dalam masa terdekat turut dibuka kepada pelajar di luar program Komunikasi yang mempunyai minat untuk menjadi

juruhebah radio.

“Diharap agar UMS fm menjadi satu wadah dalam mendengar degup jantung orang muda serta menjadi satu tarikan kepada orang muda terutamanya,” kata Rahman ketika mengulas mengenai UMS fm.

Perasmian program tersebut merupakan salah satu acara dalam rangka lawatan kerja Rahman dan isteri, Datin Seri Panglima Norazlina Tan Sri Awang Had ke Fakulti Sains Sosial dan Kumanusiaan (FSSK), UMS fm dan Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB).

Terdahulu, Rahman ketika berucap selepas mendengar taklimat fakulti oleh Dekan FSSK, Prof. Madya Dr. Asmady Idris berkata, UMS perlu memperkuatkannya integrasi antara pihak universiti dengan komuniti tempatan bagi manfaat ber-

sama.

Katanya, universiti perlu mencari satu formula bagaimana kemudahan-kemudahan di dalam kampus dapat terus dipertingkatkan untuk kegunaan dalam pembelajaran para pelajar, dan dalam masa yang sama turut dapat memberi peluang kepada masyarakat luar untuk menggunakan kemudahan yang ada.

“Sebagai contoh kelengkapan peralatan dan studio yang terdapat di FSSK mungkin boleh dimanfaatkan orang luar untuk membuat video atau rakaman, dan saya melihat kolaborasi antara fakulti dengan komuniti ini amat penting.

“Melalui perkongsian bersama komuniti luar, fakulti sebenarnya dapat menjana pendapatan sendiri yang menguntungkan uni-

versiti, dan pada masa yang sama masyarakat juga akan lebih menghargai peranan dan peluang yang diberikan oleh UMS,” katanya.

Padasebelahpetang,beliau berkesempatan meluangkan masa untuk mengadakan perbincangan bersama Penggarah IPMB, Prof. Madya Ts. Dr. Sitti Raehanah Muhamad Shaleh, serta melawat hatceri, Akuarium dan Muzium UMS, dan Jeti UMS.

Turut mengiring lawatan kerja beliau Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Rasid Mail; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul; dan Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar.